

# Dulu gagal 'O', kini dalam senarai Dekan NYP



**BANGKIT SETELAH JATUH:** Dengan keputusan akademik yang memberangsangkan, Cik Nur Eliza Mohd Rani berharap dapat menjadi seorang pengarah seni di majalah fesyen dan gaya hidup satu hari nanti. – Foto JOHARI RAHMAT

► **PUTRI MARDHIYAH YAZID**  
yputri@sph.com.sg

GAGAL sekali tidak bererti gagal selamanya.

Walaupun Cik Nur Eliza Mohd Rani pernah gagal dalam peperiksaan GCE peringkat 'O', beliau bangkit dan terus berjuang dalam pelajarannya.

Kini, pada usia 22 tahun, Cik Nur Eliza sedang menuntut di Politeknik Nanyang (NYP) di tahun kedua, mengejar diplamanya dalam jurusan Pengurusan Media Massa.

Lebih membanggakan, beliau meraih Senarai Dekan tiga kali berturut-turut – dua sewaktu tahun pertama dan satu di tahun kedua.

Pada semester pertama, Cik Nur Eliza meraih Gred Purata Mata (GPA) setinggi 3.7.

Mendapat Senarai Dekan bukan mudah.

Hanya 10 peratus daripada kohort jurusan boleh meraihnya.

Dalam wawancara menerusi e-mel, Cik Nur Eliza berkata beliau terpaksa memasuki Institut Pendidikan Teknikal (ITE) setelah gagal peperiksaan GCE 'O'.

Namun, berkat usaha gigihnya, beliau berjaya meraih agregat 3.0 dan 3.2 ketika mengambil sijil Higher Nitec dalam jurusan Operasi Kegiatan Lapang dan Pelancongan di ITE Kolej Barat di tahun pertama dan kedua sebelum melanjutkan pelajaran ke politeknik.

Pencapaian itu membanggakannya terutama kerana beliau terpaksa mengulangi peperiksaan GCE 'N' sebelum layak menduduki peperiksaan GCE 'O'.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Northbrooks itu berkata beliau gagal dalam tiga mata pelajaran dengan gred D7, dan meraih agregat 33 bagi L1R5 untuk peperiksaan GCE 'O' itu pada 2012.

"Keluarga saya kecewa apabila mendapat tahu keputusan peperiksaan saya... Walaupun saya rasa patah semangat, saya tetap teruskan kehidupan. Bagi saya, ia hanya satu hari yang buruk; tidak semestinya semua yang berlaku akan menjadi teruk," tambah anak bongsu daripada empat adik-beradik itu.

Ibu bapanya, Cik Norlailah Kadola dan Encik Mohd Rani Tumin, masing-masing kerani di Hospital Besar Singapura (SGH) dan pemandu teksi, merupakan tunggak kekuatannya.

"Siapa saya hari ini dan pada masa akan datang semuanya disebabkan sokongan dan kasih sayang ibu bapa saya," kata Cik Nur Eliza.

"Pendidikan merupakan pelajaran sepanjang hayat. Sesiapa sahaja boleh berjaya jika berusaha dalam apa yang dilakukan.

"Jangan pernah berfikir bahawa gagal bererti satu pengakhiran dalam hidup. Sentiasa berfikir positif!" tambahnya.